

Peranan orang sekeliling bantu perkasakan wanita

KIRA-KIRA 50 tahun yang lalu, golongan wanita hanya dipertanggungjawabkan dengan tugasan-tugasan yang melibatkan rumah tangga sahaja.

Biarpun begitu, selari dengan perubahan zaman dan arus kemodenan negara, golongan itu kini dilihat turut terlibat secara aktif dalam pelbagai sektor lapangan kerjaya.

Bagaimanapun, menurut Timbalan Dekan Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Rumaya Juhari, tuntutan kerja dan tanggungjawab sebagai

seorang ibu kadangkala menyebabkan golongan itu sering berada dalam keadaan dilema.

“Kita perlu faham ibu-ibu bekerjaya memakai bersama pelbagai topi peranan lain dalam hidup iaitu sebagai ibu, isteri, anak, pekerja dan ahli masyarakat. Kesemua itu sangat penting dalam kehidupan harian mereka.

“Bahkan setiap topi peranan yang dipakai menuntut kebijaksanaan seseorang wanita untuk menuaikan segala tugas



RUMAYA

dan tanggungjawab dengan seimbang.

“Selain sokongan daripada majikan, peranan suami terutamanya dalam hal-hal yang melibatkan tugasan rumah serta hal ehwal berkaitan anak juga diperlukan bagi meringankan beban khususnya golongan wanita bekerjaya,”

jelasnya lagi.

Ujar Rumaya lagi, melalui sokongan yang diberikan oleh individu sekeliling, ia secara tidak

langsung dapat memperkasakan fungsi dan kebolehan sebenar seseorang wanita bersesuaian dengan fitrah kejadian mereka.

“Kalau boleh, yang mana sudah maju kita cemerlangkan dan yang masih bertatih, kita bantu untuk maju ke hadapan.

“Jadi, bersemepena dengan Hari Ibu, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Ibu kepada wanita-wanita yang bergelar ibu di luar sana.

“Semoga kita semua sentiasa dirahmati dengan kesihatan yang baik dan kebahagiaan,” jelasnya.